

GARIS PANDUAN PENYELIAAN KOPERASI

KANDUNGAN

GP18 : GARIS PANDUAN BAGI MEMBUKA CAWANGAN KOPERASI ATAU SUBSIDIARI SESUATU KOPERASI

BAHAGIAN A : PENGENALAN

TUJUAN	1
TAFSIRAN	1
LATAR BELAKANG	2
PERUNTUKAN PERUNDANGAN	2

BAHAGIAN B : CAWANGAN KOPERASI ATAU SUBSIDIARI SESUATU KOPERASI

KRITERIA BAGI MEMBUKA CAWANGAN	2
PERMOHONAN BAGI MEMBUKA CAWANGAN	4
FI BAGI KELULUSAN PEMBUKAAN CAWANGAN	5

BAHAGIAN C : KEPERLUAN KAWAL SELIA

PENYELIAAN CAWANGAN	5
NAMA CAWANGAN KOPERASI ATAU SUBSIDIARI SESUATU KOPERASI	6
PEMBUKAAN KAUNTER SEMENTARA	7
AM	7
PEMBATALAN, PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA	7



SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

GP18 : GARIS PANDUAN BAGI MEMBUKA CAWANGAN KOPERASI ATAU SUBSIDIARI SESUATU KOPERASI

BAHAGIAN A : PENGENALAN

TUJUAN

Garis panduan ini dikeluarkan di bawah seksyen 86B Akta Koperasi 1993 (Akta) untuk memastikan koperasi atau subsidiari sesuatu koperasi yang bercadang membuka cawangan mematuhi peruntukan di bawah seksyen 19A Akta dan menjalankan aktiviti dengan baik dan cekap.

TAFSIRAN

2. Dalam garis panduan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain –

“cawangan” mempunyai tafsiran yang sama seperti di bawah seksyen 2 Akta;
dan

“subsidiari” mempunyai tafsiran yang sama seperti di bawah seksyen 2 Akta.

LATAR BELAKANG

3. Tujuan koperasi atau subsidiari sesuatu koperasi membuka cawangan adalah untuk mengembangkan aktiviti di tempat-tempat lain. Untuk mencapai matlamat itu, koperasi atau subsidiari sesuatu koperasi perlu mempunyai pekerja-pekerja bagi menguruskan perjalanan aktiviti, menyewa atau membeli pejabat atau bangunan serta menggunakan wangnya sebagai kos operasi bagi menjalankan aktiviti itu.

4. Oleh itu, sebelum memohon untuk membuka cawangan, koperasi atau subsidiari sesuatu koperasi perlu mengadakan satu pelan perancangan pembangunan cawangan dengan mengambil kira kos operasi dan perkhidmatan yang hendak diberikan kepada anggota atau pelanggan serta keuntungan yang akan diperolehi.

PERUNTUKAN PERUNDANGAN

5. Tiada koperasi atau subsidiari sesuatu koperasi boleh membuka apa-apa cawangan di dalam atau di luar Malaysia tanpa kelulusan bertulis terlebih dahulu Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya) sepertimana kehendak subseksyen 19A(1) Akta.

BAHAGIAN B : CAWANGAN KOPERASI ATAU SUBSIDIARI SESUATU KOPERASI

KRITERIA BAGI MEMBUKA CAWANGAN

6. Koperasi atau subsidiari sesuatu koperasi hendaklah memenuhi kriteria berikut bagi membuka cawangan:

- (a) tiada pelanggaran terhadap mana-mana peruntukan Akta Koperasi 1993, Peraturan-Peraturan Koperasi, perintah, arahan, garis panduan,

surat pekeliling atau notis yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa;

- (b) koperasi hendaklah menjalankan aktivitinya mengikut undang-undang kecil koperasi atau subsidiari sesuatu koperasi hendaklah mengikut Memorandum dan Tataurusan Persatuan (*Memorandum and Articles of Associations*) di bawah Akta Syarikat 1965;
- (c) koperasi atau subsidiari sesuatu koperasi hendaklah membuktikan kedudukan kewangan dan prestasi pengurusannya adalah memuaskan bagi tempoh **tiga tahun** terakhir; dan
- (d) kertas kerja cadangan membuka cawangan koperasi atau subsidiari sesuatu koperasi yang mengandungi maklumat sekurang-kurangnya mengenai:
 - (i) nama cawangan berkenaan;
 - (ii) cadangan alamat dan lokasi cawangan berkenaan;
 - (iii) tujuan pembukaan cawangan berkenaan;
 - (iv) jenis perniagaan yang dicadangkan;
 - (v) jumlah tenaga kerja yang diperlukan;
 - (vi) struktur organisasi cawangan yang dicadangkan;
 - (vii) jumlah keanggotaan yang tinggal di kawasan cawangan yang dicadangkan (koperasi sahaja);
 - (viii) jumlah kos bagi mengendalikan cawangan berkenaan; dan

- (ix) unjuran perolehan pendapatan atau pulangan cawangan bagi sekurang-kurangnya **tiga tahun**

hendaklah disediakan untuk dibincang dan dipersetujui oleh anggota Lembaga koperasi serta diluluskan oleh mesyuarat agung.

PERMOHONAN BAGI MEMBUKA CAWANGAN

7. Koperasi atau subsidiari sesuatu koperasi hendaklah mengemukakan permohonan bagi membuka cawangan kepada Suruhanjaya dengan menggunakan pakai borang di **Lampiran 1**.

8. Koperasi hendaklah mengemukakan kepada Suruhanjaya maklumat berikut bagi pembukaan cawangannya atau cawangan subsidiarinya:

- (a) cabutan minit mesyuarat agung yang meluluskan pembukaan cawangan koperasi atau subsidiari sesuatu koperasi;
- (b) cabutan minit mesyuarat Lembaga yang meluluskan pembukaan cawangan koperasi atau subsidiari sesuatu koperasi;
- (c) kertas kerja yang mengandungi maklumat seperti di para 6(d);
- (d) prestasi cawangan koperasi atau subsidiari sesuatu koperasi yang sedia ada, jika ada;
- (e) penyata kewangan teraudit koperasi dan subsidiari bagi tempoh **tiga tahun** terakhir; dan
- (f) penyata mudah tunai bagi koperasi dan subsidiari seperti di **Lampiran 2**.

9. Suruhanjaya boleh dari semasa ke semasa mendapatkan maklumat tambahan lain sekiranya perlu.

FI BAGI KELULUSAN PEMBUKAAN CAWANGAN

10. Koperasi hendaklah menjelaskan fi sebagaimana yang ditetapkan dalam **Peraturan-Peraturan Koperasi (Fi) 2010** bagi setiap kelulusan untuk membuka cawangan koperasi atau subsidiari sesuatu koperasi.

BAHAGIAN C : KEPERLUAN KAWAL SELIA

PENYELIAAN CAWANGAN

11. Koperasi adalah bertanggungjawab bagi memastikan penyeliaan operasi cawangan koperasi atau subsidiari sesuatu koperasi diuruskan dengan baik. Segala urusan operasi yang dijalankan di cawangan koperasi atau subsidiari sesuatu koperasi hendaklah selaras dengan prosedur yang disediakan.

12. Cawangan koperasi atau subsidiari sesuatu koperasi hendaklah menyediakan laporan bulanan mengenai urusanniaga yang dijalankan kepada pengurusan dan Lembaga koperasi. Laporan ini hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya perkara berikut:


- (a) pendapatan;
- (b) perbelanjaan;
- (c) jumlah pekerja;
- (d) prestasi aktiviti cawangan; dan

- (e) jumlah baki wang yang masih ada.


NAMA CAWANGAN KOPERASI ATAU SUBSIDIARI SESUATU KOPERASI

13. Nama “Cawangan” bagi koperasi atau subsidiari sesuatu koperasi hendaklah seperti berikut:

- (a) cawangan koperasi



- (b) cawangan subsidiari koperasi



14. Tiap-tiap cawangan koperasi atau subsidiari sesuatu koperasi hendaklah mempamerkan dengan ketara nama cawangannya di tempat perniagaan yang boleh dilihat oleh orang awam.

15. Tiap-tiap cawangan koperasi atau subsidiari sesuatu koperasi hendaklah mempamerkan **Surat Kelulusan Pembukaan Cawangan** di tempat perniagaannya.

PEMBUKAAN KAUNTER SEMENTARA

16. Koperasi dibolehkan membuka “booth” atau kaunter sementara di pameran, ekspo, gerai jualan dan seumpamanya bagi tujuan menjual hasil atau produk pertanian, kraftangan dan sebagainya.

AM

17. Garis panduan ini hendaklah dibaca bersekali dengan Akta dan Peraturan. Pengecualian terhadap mana-mana peruntukan dalam garis panduan ini boleh diberikan oleh Suruhanjaya secara bertulis kepada mana-mana koperasi demi kepentingan gerakan koperasi.

PEMBATALAN, PEMAKAIAN DAN TARIKH KUATKUASA

18. Pekeliling Ketua Pendaftar Bilangan 7 Tahun 2005 : Garis Panduan Bagi Membuka Pejabat Cawangan Koperasi adalah dengan ini dibatalkan.

19. Semua koperasi dikehendaki mematuhi peruntukan di bawah Akta, Peraturan-Peraturan, perintah dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa.

20. Garis panduan ini dikuatkuasakan pemakaiannya mulai **1 September 2011**.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“1 MALAYSIA, RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”

(DATUK HAJI MD. YUSOF BIN HAJI SAMSUDIN)

Pengerusi Eksekutif

Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Tarikh :

“Peneraju Kecemerlangan Koperasi”



**PERMOHONAN PEMBUKAAN CAWANGAN KOPERASI ATAU CAWANGAN
SUBSIDIARI SESUATU KOPERASI**

[Di Bawah Perenggan 19A(1) Akta Koperasi 1993]

Pengerusi Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Tingkat 17, Putra Place
100 Jalan Putra
50350 Kuala Lumpur

Melalui

Pengarah
Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri _____

Dengan sukacitanya saya bagi pihak Koperasi _____ Berhad dengan ini membuat permohonan bagi pembukaan *cawangan koperasi / cawangan subsidiari koperasi.

2. Bersama-sama ini disertakan maklumat berikut untuk pertimbangan tuan:

A. BUTIR-BUTIR PERMOHONAN

- i. *Nama Cawangan : _____
Koperasi /
Cawangan Subsidiari
- ii. Alamat : _____

* Sila potong mana yang tidak berkenaan

B. BUTIR-BUTIR PEMOHON

i. Nama Berdaftar : _____
Koperasi

ii. Tarikh Daftar : _____ No. Daftar : _____

iii. Alamat Berdaftar : _____

iv. Alamat Surat : _____
Menyurat

v. No. Telefon : _____ No. Faks : _____

vi. E-mel : _____

vii. Tahun Kewangan : _____ Fungsi : _____

viii. Aktiviti : _____

3. Bersama borang permohonan ini disertakan dokumen berikut [tanda (√)]

- 3.1 Kertas Kerja Pembukaan Cawangan Baharu
(sila rujuk kepada para 6(d) dalam Garis Panduan bagi Membuka Cawangan Koperasi atau Subsidiari Sesuatu Koperasi untuk maklumat yang diperlukan)
- 3.2 Cabutan Minit Mesyuarat Agung yang meluluskan pembukaan pejabat cawangan yang disahkan oleh Lembaga
- 3.3 Cabutan Minit Mesyuarat Lembaga yang meluluskan pembukaan pejabat cawangan yang disahkan oleh Lembaga
- 3.4 Cabutan Undang-Undang Kecil koperasi atau Memorandum dan Tataurusan Persatuan (dalam hal subsidiari sesuatu koperasi) yang membenarkan pembukaan Cawangan yang disahkan oleh Lembaga
- 3.5 Prestasi cawangan koperasi atau subsidiari sesuatu koperasi yang sedia ada (jika ada)
- 3.6 Penyata Kewangan Teraudit bagi **3 tahun** terakhir koperasi / subsidiari
- 3.7 Penyata mudah tunai bagi koperasi dan subsidiari

4. Dengan ini:

- 4.1 Kami mengaku bahawa segala maklumat yang diberikan adalah benar.
- 4.2 Kami mengaku bahawa subsidiari kami tidak melanggar mana-mana peruntukan di bawah Akta Syarikat 1965, jika berkenaan.
- 4.3 Kami bersetuju dengan apa-apa syarat yang ditetapkan oleh Suruhanjaya.

4.4 Kami bersetuju bahawa Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya) berhak menolak permohonan kami tanpa memberi apa-apa sebab dan berhak menarik balik kelulusan yang telah diberikan sekiranya didapati maklumat yang dikemukakan adalah tidak benar.

Tandatangan	_____	Tandatangan	_____
Nama	_____	Nama	_____
Jawatan Dalam Koperasi	_____	Jawatan Dalam Koperasi	_____
Cop Koperasi		Cop Koperasi	
Tarikh	_____	Tarikh	_____

Arahan :

- i. Lengkapkan borang permohonan (3 salinan).*
- ii. Sertakan dokumen-dokumen seperti di para 3 dengan lengkap (3 salinan).*
- iii. Sertakan kertas kerja berpandukan penyediaan kertas kerja pembukaan cawangan dengan lengkap (3 salinan).*

**PERMOHONAN BAGI MEMBENTUK, MEMPUNYAI, MEMPEROLEH ATAU MENUBUHKAN
SUBSIDIARI DI BAWAH SEKSYEN 19 AKTA KOPERASI 1993**

Kepada:

**Pengerusi Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Tingkat 10 – 15, 17 - 19
100 Putra Place
100 Jalan Putra
50350 Kuala Lumpur**

Melalui:

**Pengarah
Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri _____**

Tuan,

PER: PERMOHONAN UNTUK KELULUSAN BAGI PEMILIKAN SUBSIDIARI

Sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen 19(1) Akta Koperasi 1993, kami dengan ini membuat permohonan untuk memiliki subsidiari seperti berikut untuk kelulusan tuan.

1. BUTIR-BUTIR PERMOHONAN

1.1 Jenis Pemilikan Subsidiari:

- Membentuk
- Mempunyai
- Memperoleh
- Menubuh

1.2 Nama Subsidiari Yang Dicadangkan / Nama Subsidiari :

1.3 Jumlah Pelaburan (RM) : _____

2. BUTIR-BUTIR PEMOHON

- 2.1 Nama Koperasi :
- 2.2 Tarikh Daftar :
- 2.3 Alamat Surat-Menyurat :
- 2.4 No. Telefon/No Faks :
- 2.5 Aktiviti Utama :

3. DOKUMEN YANG DISERTAKAN BERSAMA BORANG PERMOHONAN [Tandakan (√)]

- 3.1 Kertas Kerja Cadangan Pemilikan Subsidiari (termasuk Unjuran Aliran Tunai dan Untung Rugi Subsidiari untuk tempoh 3 hingga 5 tahun)
- 3.2 Cabutan Minit Mesyuarat Agung yang meluluskan pemilikan subsidiari yang disahkan oleh Lembaga
- 3.3 Cabutan Minit Mesyuarat Lembaga yang meluluskan pemilikan subsidiari yang disahkan oleh Lembaga
- 3.4 Senarai Anggota Lembaga semasa yang disahkan oleh Lembaga
- 3.5 Cabutan Undang-Undang Kecil yang membenarkan koperasi memiliki subsidiari yang disahkan oleh Lembaga
- 3.6 Penyata Bank bagi 3 bulan terakhir
- 3.7 Penyata Aset Mudah Tunai Koperasi
- 3.8 Penyata Kewangan Teraudit Koperasi bagi 3 tahun terakhir
- 3.9 Memorandum dan Taturusan Persatuan (Memorandum and Articles of Association)
- 3.10 Salinan Perjanjian pemilikan subsidiari, jika berkenaan
- 3.11 Laporan Usaha Wajar (Due Diligence Report) ke atas subsidiari, jika berkenaan

- 3.12 Penyata Kewangan Teraudit subsidiari yang hendak dimiliki bagi 3 tahun terakhir, jika berkenaan
- 3.13 Profil subsidiari yang hendak dimiliki, jika berkenaan
- 3.14 Lain-lain dokumen berkaitan bagi menyokong permohonan

4. PENGAKUAN

4.1 *Saya / kami dengan ini mengaku bahawa segala maklumat yang diberi adalah benar.

4.2 Suruhanjaya Koperasi Malaysia berhak menolak permohonan *saya / kami tanpa memberi apa-apa sebab dan berhak menarik balik kelulusan yang telah diberi sekiranya didapati maklumat yang dikemukakan adalah tidak benar.

Tandatangan :

Nama Anggota Lembaga :

Jawatan Dalam Koperasi :

(*Pengerusi/Setiausaha/Bendahari)

Cop Koperasi :

Tarikh :

* Potong yang mana tidak berkenaan.

Arahan :

- i. Lengkapkan borang permohonan (3 salinan).
- ii. Sertakan dokumen-dokumen seperti di para 3 dengan lengkap (3 salinan).
- iii. Sertakan kertas kerja berpandukan penyediaan kertas kerja pemilikan subsidiari dengan lengkap (3 salinan).

CONTOH FORMAT PENYATA HARTA-HARTA MUDAH TUNAI

A. HARTA-HARTA MUDAH TUNAI	AMAUN	
	BULAN INI	BULAN LALU
1. Wang di Tangan		
2. Wang Dalam Perjalanan		
3. Baki Di Bank		
- Akaun Semasa		
- Akaun Simpanan		
4. Wang Panggilan Di Bank		
5. Bon-Bon Kerajaan		
6. Simpanan Tetap Dalam		
- Bank		
- Institusi kewangan		
- Koperasi		
(Nota: Simpanan tetap yang bebas dari cagaran dan sebarang sangkutan)		
JUMLAH		
B. DEPOSIT DAN SIMPANAN KHAS DITERIMA		
1. Deposit		
2. Simpanan Khas		
JUMLAH		
C. Lebihan Harta-Harta Mudah Tunai Atas Deposit Dan Simpanan Khas (A-B)		